

PM gesa karyawan tempatan berusaha tingkatkan mutu filem

KUALA LUMPUR 1 Jun — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta para karyawan filem tempatan supaya meningkatkan mutu filem yang dikeluarkan jika mereka mahu bersaing dengan filem - filem terbaik yang dimonopoli oleh filem - filem asing.

Beliau menegaskan, walaupun banyak galakan dan insentif telah diberi oleh kerajaan sehingga ini tetapi industri perfileman masih belum mencapai tahap kemajuan yang diharap - harapkan.

Menurutnya, industri perfileman harus mempertingkatkan usahanya untuk memainkan peranan yang lebih besar selaras dengan pencapaian bidang - bidang lain.

"Kerajaan sedia menimbangkan cadangan - cadangan yang dibuat termasuk mewujudkan satu perkampungan filem seperti yang terdapat di Singapura dan Taiwan bagi meningkatkan industri ini," ujarnya ketika merasmikan Kompleks Studio Merdeka Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) di Hulu Klang dekat sini.

Katanya, kegagalan sebarang filem merangkul anugerah filem terbaik di Festival Filem Malaysia Ke-8 pada tahun 1989 mungkin menunjukkan taraf industri perfileman tempatan.

Perdana Menteri berkata, perkara ini mungkin berlaku kerana tahap pencapaian yang diharapkan oleh jemaah hakim terlalu tinggi tetapi hakikatnya ada pengeluar filem dari negara lain yang mampu mencapai tahap tersebut.

Beliau mencadangkan supaya FINAS mengimbas kembali dan mengkaji sumbangannya kepada industri perfileman tempatan sejajar dengan ulangtahun ke-10 perbadanan itu.

Katanya, penilaian itu penting bagi semua pihak kerana pandangan serta kritikan yang konstruktif akan dapat memperbaiki kedudukan industri filem.

Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan ingin melihat perfileman negara terus berkembang kerana proses pemikiran yang sealign dengan kebudayaan negara adalah penting dalam pembentukan masyarakat sihat.

"Adalah tidak wajar sama sekali orang ramai khususnya muda - mudi kita hanya terdedah kepada filem - filem yang diimport kerana ini dengan tidak sengaja akan mempengaruhi cara pemikiran, tingkah laku serta kebudayaan kita," ujarnya.

Menurut beliau, pengeluar - pengeluar filem tempatan seharusnya mempunyai pandangan yang jauh bagi menjamin industri

perfileman terus berkembang dan maju.

"Kita patut memikirkan dan berusaha untuk mengeluarkan filem - filem untuk pasaran yang lebih luas.

"Walaupun filem - filem Malaysia juga ditayangkan di Indonesia, Brunei dan Singapura, apakah ini sudah memadai," ujar beliau.

Beliau berpendapat, para pengeluar filem boleh mengeluarkan filem yang menggabungkan bintang - bintang filem tempatan dan luar negeri atau filem - filem yang mempunyai tema yang universal.

Menurutnya, pada masa - masa lalu tidak ada filem tempatan yang mampu mengutip *gate collection* yang melebihi \$500,000.

Bagaimanapun, tambahnya, sudah ada satu filem Malaysia yang mampu mengutip sehingga \$1.5 juta pada tahun lalu dan ini menunjukkan perkembangan yang baik.

"Filem - filem yang bermutu tinggi bukan saja dapat bersaing dengan filem - filem bermutu yang diimport tetapi juga boleh mengenalkan lagi kebudayaan kita," tegasnya.

Beliau berkata, para penonton seperti yang telah terbukti akan menonton filem - filem Malaysia yang bermutu tinggi.

"Saya berharap kita semua berganding bahu dan bekerjasama dalam semangat 'Persyarikatan Malaysia' untuk terus membangunkan industri perfileman kita," tambahnya.

Menurutnya, kerajaan dalam usahanya membantu membangunkan industri filem tempatan perlu melihat daripada berbagai dimensi dan secara menyeluruh.

Bercakap kepada para pemberita selepas itu, beliau yakin industri perfileman boleh dimajukan jika ada ketekunan dan latihan yang cukup.

"Saya perhatikan persembahan pentas seperti nyanyian sudah mencapai taraf antarabangsa dan tidak ada sebab kenapa perfileman pula tidak boleh mencapai tahap yang sama," katanya.

Menurutnya, kerajaan mungkin terpaksa menghantar mereka yang terlibat dalam perfileman untuk mengikuti kursus - kursus filem di luar negeri.

Bagaimanapun, katanya, dalam usaha untuk meningkatkan mutu filem tempatan, para pengeluar filem tidak perlu memasukkan unsur - unsur seks atau ganas bagi menjadikan filem itu menarik.